

21/04/2001

WIM bantu wanita berdikari

Halina Mohd Noor

JIKA seseorang diberikan wang, ia akan membuatkan keadaan lebih teruk tanpa sebarang perubahan. Sebaiknya jika seseorang itu diberikan kemahiran, ia akan menggunakannya untuk mencari wang dan memajukan diri.

Berikutan itu, Institut Pengurusan Wanita (WIM) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 12 Disember 1994 bertujuan memberikan kemahiran kepada wanita di negara ini melalui kursus dan ceramah.

Pada abad 21 dijangka bakal melahirkan lebih ramai pemimpin wanita dalam bidang perniagaan dan politik. Sehubungan itu usaha perlu dilakukan agar wanita di negara ini tidak ketinggalan. Bagi mencapai matlamat itu, wanita seharusnya memantapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan selaras dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) hari ini.

WIM bertindak menggalakkan kepimpinan wanita dalam semua bidang berteraskan profesionalisme dan kecemerlangan melalui latihan berterusan. Diasaskan oleh Datuk Napsiah Omar bersama Datuk Nellie Tan-Wong sebagai sebuah syarikat tanpa untung, WIM bertindak membantu wanita yang ingin memulakan perniagaan melalui kursus keusahawanan anjurannya.

"Sejak ditubuhkan, WIM sudah menganjurkan 130 kursus keusahawanan di seluruh negara dengan kadar yuran paling rendah demi faedah wanita di bandar mahupun luar bandar. Kursus ini bertujuan memberikan panduan kepada wanita yang ingin memulakan perniagaan secara kecil-kecilan seperti belajar membuat akaun ringkas, menguruskan pekerja dan sebagainya," katanya.

Wanita malang seperti ibu tunggal, balu mangsa Japanese Encephalitis (JE), wanita orang asli, penghuni rumah seri puteri dan banduan wanita di penjara Kajang turut menjadi sebahagian daripada agenda sosialnya.

Selain menawarkan kursus, WIM juga turut menjalankan ceramah mengenai penjagaan kesihatan diri dan keluarga kepada golongan wanita orang Asli di seluruh negara. Kursus itu juga turut diberikan kepada penghuni rumah seri puteri dan banduan wanita di penjara Kajang agar mereka mampu membina hidup sendiri selepas dibebaskan.

Menurutnya, selepas menjalani kursus, WIM akan memberikan tempoh enam bulan kepada peserta untuk menjalankan perniagaan. Pihak WIM akan membantu proses pendaftaran melalui kakitangannya, memberi nasihat dan panduan mengenai sebarang masalah yang timbul dari mula hingga akhir. Semua kursus dianjurkan menggunakan bahasa yang bersesuaian agar ia mudah difahami.

"Balu mangsa JE amat memerlukan sokongan apabila suami iaitu tunggak utama keluarga mati akibat diserang virus itu suatu ketika dulu. Kami telah mengumpulkan mereka untuk berkongsi derita dan melalui cara ini mereka dapat meluahkan perasaan yang terpendam dan mengetahui apakah rancangan mereka pada masa hadapan. Selain itu kami beri mereka galakkan dan sokongan untuk memulakan penghidupan baru," katanya.

Usaha itu dilakukan selepas kajian mengenai kedudukan wanita di negara ini oleh WIM, ada 60,000 ibu tunggal bersama anak yang perlu dibantu dari segi ekonomi dan sosial.

"Ramai wanita di negara ini ketinggalan dari segi ekonomi akibat kesempitan hidup dan masalah rumah tangga yang dihadapi. WIM sebolehnya berusaha untuk membawa perubahan kepada wanita kerana hampir 50 peratus penduduk di negara ini adalah dan mereka sebagai penggerak kemajuan," katanya.

Nellie berkata, bagi menggalakkan wanita menceburi bidang perniagaan,

WIM berusaha memperkenalkan konsep bank mesra wanita. Melalui konsep itu, wanita lebih mudah mendapatkan maklumat dan nasihat sebelum membuat permohonan pinjaman perniagaan.

"WIM berjaya mempengaruhi Southern Bank Berhad (SBB) untuk menubuhkan sebuah cawangan Bank Contoh bagi wanita di Wisma WIM. Inilah satu-satunya cawangan yang mengamalkan konsep ini. Dari hiasan dalaman hinggalah perkhidmatan yang ditawarkan seperti meletakkan pegawai yang bersesuaian untuk bercakap mengenai pinjaman agar wanita berasa selesa. Melalui cara ini ia akan menghilangkan rasa bimbang dan gementar wanita apabila melangkah ke bank ini. Satu persetujuan juga telah dibuat untuk mengeluarkan kad kredit istimewa WIM-SBB yang menawarkan insentif dan produk istimewa agar wanita berhak memiliki aset," katanya.

Selain kursus keusahawan, WIM turut membantu wanita mendapatkan modal bagi memulakan perniagaan melalui kerjasama dengan kerajaan, bank dan pembangunan usahawan yang boleh membantu.

Selaras dengan perkembangan teknologi, WIM telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Institut Lim Kok Wing bagi mengadakan kursus bagi ahli perniagaan wanita supaya mereka dapat mempelajari kemahiran teknologi maklumat dan mengurus niaga melalui Internet.

Mulai Mei depan, WIM sekali lagi menganjurkan program ICT untuk wanita melalui kerjasama bank, kolej, syarikat swasta dan Jabatan Pembangunan Sumber Manusia di Sabah.

Sebanyak 12 kursus diperkenalkan dengan kadar bayaran serendah RM10 bagi setiap kursus. Antaranya ialah pengenalan kepada komputer, ICT untuk wanita di dalam perniagaan kecil, bagaimana Mind Your Own Business (MYOB) menjadikan perniagaan anda terbang ke seluruh dunia, E-banking dan banyak lagi.

"Kursus ICT amat penting bagi wanita terutama bagi mereka yang ingin bergelar usahawan berjaya. Bagaimanapun golongan suri rumah dan pelajar juga tidak seharusnya ketinggalan dalam bidang ini. Melalui ICT mereka dapat mengembangkan perniagaan melalui cara paling berkesan dan cara mudah untuk mendapatkan pelanggan dari merata dunia," katanya.

Sebagai permulaan, kursus itu diadakan di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Klang, Pulau Pinang, Kuala Selangor, Port Dickson, Seremban, Kuching dan Kota Kinabalu.

"Beberapa program juga akan dijalankan oleh WIM dalam tahun ini antaranya mengadakan perbincangan meja bulat bertajuk Penyatuan Kebangsaan dan Bagaimana ia berfungsi yang akan membincangkan mengenai masalah keamanan di negara ini. Peserta dari NGO dan ketua perkumpulan wanita, pemimpin akademik dan sebagainya dijemput untuk menjayakan projek ini," katanya.

WIM juga turut menawarkan program Ijazah MBA dengan kerjasama Universiti of East London yang dijangka akan bermula antara Mei hingga Jun tahun ini. WIM juga menyediakan kemudahan pinjaman dari bank terkemuka di negara ini untuk pelajarnya.

"Kami juga turut mengadakan program Diploma Persijilan Pembantu Undang-Undang bersama Universiti College of Cariboo, Kanada. Program ini adalah bagi tempoh 9 bulan yang akan melahirkan graduan yang bukan saja dapat bersaing dengan kemahiran pentadbiran dan komputer tetapi dilengkapi dengan pengetahuan untuk melakar kontrak ringkas atau sebarang dokumen. WIM juga akan berusaha untuk mendapatkan gaji permulaan yang baik untuk graduan ini," katanya.

(END)